

**SISTEM PENGEZONAN KAWASAN PENANGKAPAN IKAN
PENGEZONAN KAWASAN PENANGKAPAN IKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

ZON A

VESEL TRADISIONAL

Vesel tradisional adalah vesel-vesel yang beroperasi di Zon A dan menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional. Ia hendaklah diusahakan sendiri oleh pemilik vesel. Kebanyakan vesel Zon A beroperasi secara *trip* harian. Vesel yang disenaraikan di dalam kategori ini adalah sampan (berenjin dan tidak berenjin) dan vesel berenjin dalam yang menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional dan bermuatan kurang daripada 40 *Gross Registered Tonnage* (GRT). Kawasan operasi yang dibenarkan bagi vesel tradisional adalah di Zon A dan ke atas.

SAMPAN

Sampan biasanya dikaitkan dengan nelayan tradisional yang beroperasi secara kecil-kecilan. Pendapatan utama nelayan ini adalah dari menangkap ikan dan biasanya dioperasi tidak lebih daripada 2 orang. Peralatan menangkap ikan yang digunakan adalah peralatan menangkap ikan tradisional seperti pukot hanyut, bubu, pukot tarik pantai, kail-mengail dan lain-lain.

- a) Panjang maksimum sampan yang dibenarkan adalah 11 meter bagi Semenanjung dan WP Labuan dan 15 meter bagi Sarawak.

b) Klasifikasi sampan:

i. Berjentera

Kawasan	Panjang	Kuasa Kuda Enjin Sangkut (kk)
Semenanjung	Tidak melebihi 11m	60 kk dan ke bawah
Sarawak	Tidak melebihi 15 m	140 kk dan ke bawah
W.P. Labuan	Tidak melebihi 11m	120 kk dan ke bawah

ii. Tidak Berjentera

Kawasan	Panjang	Tiada Jentera
Semenanjung	Tidak melebihi 11m	Tidak Berkenaan
Sarawak	Tidak melebihi 15m	
W.P. Labuan	Tidak melebihi 11m	

iii. menggunakan enjin ekor panjang / enjin pam

Kawasan	Panjang	Kuasa Kuda Enjin ekor Panjang (kk)
Semenanjung	Tidak melebihi 11m	15 kk dan ke bawah
Sarawak	Tidak melebihi 15 m	
W.P. Labuan	Tidak melebihi 11m	

VESEL BERENJIN DALAM YANG MENGGUNAKAN PERALATAN TRADISIONAL YANG BERMUATAN KURANG DARIPADA 40 GRT

Selain daripada sampan, vesel berenjin dalam yang menggunakan peralatan tradisional dan bermuatan kurang daripada 40 GRT juga dikategorikan di bawah vesel tradisional. Vesel ini juga mempunyai klasifikasi yang agak sama dengan sampan tetapi lebih berkemampuan untuk pergi jauh ke laut.

VESEL BANTUAN (AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN)

Vesel bantuan berperanan membantu vesel utama penangkapan ikan atau akuakultur. Vesel bantuan tidak dibenarkan digunakan sebagai vesel penangkapan ikan. Setiap vesel bantuan mempunyai ciri dan syarat yang berbeza bergantung kepada jenisnya. Antara contoh vesel bantuan adalah Vesel Menunggu Peranti Pengumpul Ikan (MPPI) dan Vesel Sistem Kultur Laut (SKL).

VESEL MENUNGGU PERANTI PENGUMPUL IKAN (MPPI)

Vesel Menunggu Peranti Pengumpul Ikan (MPPI) ini berfungsi untuk menarik perhatian dan mengumpul ikan melalui cahaya lampu yang dipancarkan bagi membantu utama menangkap ikan dengan lebih mudah. Vesel MPPI ini hanya dibenarkan digunakan oleh vesel pukat jerut ikan di Zon C, C2 dan C3 sahaja.

SYARAT-SYARAT

- a) Bilangan vesel MPPI yang dibenarkan bagi setiap vesel induk bergantung kepada zonnya
 - i) Zon C -1 buah
 - ii) *Zon C2 dan C3 - tidak lebih daripada 2 buah
- b) Tidak dibenarkan dilengkapi atau membawa sebarang peralatan untuk tujuan menangkap ikan dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

Formatted: Indent: Left: 2.25 cm, First line: 0.03 cm, No bullets or numbering, Tab stops: 2.02 cm, List tab + Not at 5.71 cm

VESEL SISTEM KULTUR LAUT (SKL)

Vesel ini digunakan oleh pengusaha akuakultur marin atau pengusaha ternakan kerang-kerangan untuk tujuan pengangkutan bahan input akuakultur, bahan keperluan sangkar atau kawalan serta lain-lain aktiviti di kawasan ternakan.

SYARAT-SYARAT

- a) Memiliki lesen mengendali Sistem Kultur Laut (SKL) yang sah. Lesen vesel ini dikeluarkan kepada pemilik sangkar atau pengusaha ternakan kerang atau siput sudu yang mempunyai Lesen Mengendalikan SKL yang disahkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
- b) Lesen peralatan menangkap ikan tidak dikeluarkan bagi vesel SKL.

VESEL BANTUAN AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN

Vesel bantuan aktiviti penangkapan ikan atau nama asalnya vesel angkut ikan ini berperanan untuk mengangkut ikan daripada vesel induk (utama) .

SYARAT-SYARAT

- a) Lesen vesel bantuan hanya akan dipertimbangkan kepada pemegang lesen vesel kategori C2 dan C3 sahaja.
- b) Vesel pengangkut ikan yang dilesenkan perlu dilengkapi dengan kemudahan penyimpanan ikan yang sesuai dan tidak memiliki sebarang peralatan menangkap ikan dan tidak menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

KELONG

Kelong adalah satu peralatan perangkap yang mempunyai satu kurungan, pelantar dan pondok. Prinsip operasi adalah sama dengan belat. Kelong mudah diusahakan, tidak memerlukan ramai pekerja dan diusahakan semasa air pasang besar.

Kini terdapat banyak kelong rekreasi yang dibangunkan di perairan negara. Kelong rekreasi mempunyai struktur seperti kelong perikanan tetapi ia dibina bagi tujuan rekreasi dan pelancongan. Ia tidak boleh digunakan sebagai alat penangkapan ikan dan bukan di bawah bidang kuasa Jabatan.

DASAR

Jabatan pernah mengeluarkan lesen untuk kelong bagi tujuan perikanan tangkapan tetapi telah dibekukan kerana menjejaskan sumber perikanan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) mendapati kebanyakan hasil tangkapan adalah ikan baja (termasuk anak-anak ikan jenis ikan kormesial yang belum matang).

Berdasarkan kajian tersebut, Jabatan telah membuat keputusan seperti berikut:

- a) Lesen baru kelong tidak akan dikeluarkan.
- b) Untuk mengurangkan bilangan kelong, kelong yang rosak atau tidak beroperasi tidak dibenarkan dibaharui lesennya
- c) Pindah milik kelong kepada nelayan lain tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah Perikanan kelong ditukar kepada peralatan tradisional bergerak atau dipindah milik kepada anak sahaja